



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Nazmi Qayyum Hamdan, Muhammad Nasrullah Mohamad Azli & Ahmad Imran Hakimi Zolkeple. (2025). Ilmu Silat Syeikh Abdullah : Sebuah kritikan. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(13), 210-228. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.13>

ILMU SILAT SYEIKH ABDULLAH: SEBUAH KRITIKAN

(Syeikh Abdullah Silat's Teaching: A Critical Study)

¹ Nazmi Qayyum Hamdan, ² Muhammad Nasrullah Mohamad Azli &
³ Ahmad Imran Hakimi Zolkeple

¹Pertubuhan Kebangsaan Amal Islamiah Laksamana Malaysia,
Cyberjaya, Selangor.

²Bahagian Pengajian Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.

³Persatuan Kajian Ilmu Silat Malaysia,
Balik Pulau, Pulau Pinang

¹Corresponding author: nazmiqayyum@gmail.com

Received: 03/5/2025

Revised: 01/6/2025

Accepted: 28/7/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Syeikh Abdullah merupakan tokoh pendakwah yang mengislamkan Raja Kedah iaitu Seri Paduka Maharaja Derbar Raja sekaligus menyebarkan Islam di Empayar Kedah. Yahya Said yang merupakan pengasas Silat Kalimah menisbahkan ilmu persilatannya berasal daripada Syeikh Abdullah atau digelar Syeikh Tajrid, tetapi kesemuanya adalah berdasarkan riwayat lisan semata-mata. Silat Cekak yang diasaskan oleh Hanafi Ahmad yang beliau pelajari ilmu silat itu daripada Yahya Said turut menyebut mengenai Syeikh Tajrid. Berdasarkan permasalahan tersebut, maka artikel ini memiliki dua objektif. Pertama, mengenal pasti

kebenaran gelaran Syeikh Abdullah iaitu Syeikh Tajrid. Kedua, mengenal pasti pengajaran silat Syeikh Abdullah dalam catatan sejarah. Kajian ini dilakukan secara kepustakaan yang menjadikan tiga buku sebagai rujukan utama bagi memenuhi objektif iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Selain itu, bahan-bahan penulisan daripada Silat Cekak dan Silat Kalimah juga dijadikan rujukan. Dapatan kajian dianalisis secara kritis. Hasil kajian mendapati tiada langsung catatan bahawa Syeikh Abdullah membawa gelaran Syeikh Tajrid melainkan penisbahan “Qumairi” yang terdapat beberapa perbezaan sebutan. Selain itu, tiada dalam mana-mana catatan sejarah bahawa Syeikh Abdullah mengajarkan silat, melainkan beliau ditampar dan ditumbuk oleh Iblis dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Penelitian awal mendapati bahawa silabus Silat Kalimah atau Silat Cekak yang wujud sekarang ini berkemungkinan adalah hasil pengalaman Kesultanan Kedah mengambil ilmu persilatan daripada pelbagai sumber.

Kata kunci: Cekak, kalimah, Langkasuka, Qaumiri, Qumairi.

ABSTRACT

Syeikh Abdullah was a preacher who converted the King of Kedah, Seri Paduka Maharaja Derbar Raja, and spread Islam in the Kedah Empire. Silat Kalimah founded by Yahya Said, attributed his martial arts knowledge to Syeikh Abdullah, who was also called as Syeikh Tajrid, but all of it was based on oral history alone. Silat Cekak, founded by Hanafi Ahmad, which he learned the knowledge from Yahya Said, also mentioned about Syeikh Tajrid. Based on the above problem, this article has two objectives. First, to identify the truth of Syeikh Abdullah's epithet, namely Syeikh Tajrid. Second, to identify Syeikh Abdullah's silat teachings in historical records. This study was conducted in a literature method, using three books as the main references to fulfill the objectives, namely Hikayat Merong Mahawangsa, Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah and Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah. In addition, written materials from Silat Cekak and Silat Kalimah associations were also used as references. The findings were critically analysed. The results of the study found that there is no record at all that Syeikh Abdullah carried the epithet of Syeikh Tajrid except for the spelling “Qumairi” which has several pronunciation differences. In addition, there is no historical record that Syeikh Abdullah taught silat, except that he was slapped and punched by the Devil in the Hikayat Merong Mahawangsa. Initial research found that the Silat Kalimah or Silat Cekak syllabus that exists today is likely the result of the Kedah Sultanate's experience of taking silat knowledge from various people.

Keywords: Cekak, kalimah, Langkasuka, Qaumiri, Qumairi.

PENGENALAN

Silat Cekak dikatakan berasal melalui jalur Panglima Ismail dan dipelajari ketika zaman Sultan Ahmad Tajuddin II @ Mukarram Shah (Sultan Kedah ke-22 pada era 1804-43, Kedah). Ilmu Silat Cekak ini diperturunkan kepada Panglima Ismail, beliau pula menurunkan ilmu Silat Cekak kepada Panglima Rashid, dan Rashid menurunkan ilmunya kepada Yahaya Said atau digelar sebagai “Pak Ya”. Sumber yang menyatakan sanad sedemikian adalah daripada

Yahaya Said sendiri yang mendengarnya daripada gurunya iaitu Panglima Rashid (Shukri & Zaimilah, 2019: 86).

Yahaya Said memiliki beberapa murid yang mempelajari Silat Cekak tersebut, sehinggalah beliau bertemu dengan Hanafi bin Ahmad atau sering digelar sebagai “Ustaz Hanafi.” Atas dorongan Hanafi Ahmad, maka Yahaya Said telah mengajarkannya Silat Cekak bersama-sama dua puluh orang lain melalui Perkumpulan Seni Silat Budaya Seri Kedah pada 5 Ramadan 1385 hijrah bersamaan 28 Disember 1965 di rumah Shafie Darus, Batu 4¾ Jalan Gunung, Alor Setar, Kedah (Hanafi Ahmad, Oktober 1973; Halimah, 1978: 47). Setelah mendapat mandat daripada Yahaya Said, maka beliau menjadi guru mengajarkan silat itu sendiri.

Setelah beberapa lama, Hanafi Ahmad mengasaskan organisasi dengan nama Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) pada tahun 1975. Beliau meninggal dunia pada 13 Ogos, 1986, dan kepimpinan PSSCM beliau digantikan oleh Ishak Itam, dan kemudiannya oleh Datuk Maideen Kadir Shah (Alif Aiman et al., 2024), atau nama sebenar beliau berdasarkan tapak sesawang *istiadat.gov.my* ialah Saithu Maideen bin Khatarisa. Silat Cekak mengalami perpecahan semenjak zaman Ishak Itam sehingga menjadi dua persatuan yang asalnya daripada PSSCM iaitu Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia dan Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Malaysia. Berikut ialah gambaran umum pelajaran Silat Cekak serta upacara ijazah yang wajib dilalui untuk ke peringkat seterusnya:

Peringkat 1: Upacara Ijazah Asas

Peringkat Asas: Mempelajari buah-buah menanti Silat Cekak sebanyak 21 biji secara separuh gerak tanpa ada jatuhan.

Peringkat Jatuh: Sambungan pelajaran 21 buah menanti, diajarkan gerakan penuh buah-buah tersebut yang melibatkan jatuhan atau kuncian.

Peringkat 2: Upacara Ijazah Potong

Peringkat Potong: Mempelajari 4-5 buah serangan untuk mengatasi kesemua 21 buah menanti.

Peringkat 3: Upacara Ijazah Tamat

Peringkat Tamat & Kemahiran: Mempelajari sebiji “Buah Serang,” kaedah “Enam Tolak Enam” dan latihan mengatasi seni bela diri lain.

Yahaya Said juga membuka persatuannya sendiri iaitu Persatuan Silat Kalimah Malaysia. Kerangka silibusnya juga hampir sama iaitu terdapat tiga peringkat seperti Silat Cekak. Berikut ialah perbezaan silibus antara kedua-dua persatuan ini:

Buah Silat Kalimah masih mengekalkan jumlah yang asal iaitu 27 buah dan bukannya 21 buah.

Silat Kalimah tiada Peringkat Asas, sebaliknya terus belajar Peringkat Jatuh. Sistem Peringkat Asas hanyalah direka oleh Hanafi Ahmad.

Pada peringkat ketiga, Silat Kalimah memiliki permainan bawah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berkenaan nama pembawa Silat Kalimah atau Silat Cekak, kedua-dua aliran silat ini bersepakat bahawa silat mereka berasal daripada seorang lelaki bernama Syeikh Tajrid (Abu Bakar Baginda, 2019; Shukri & Zaimilah, 2021). Namun begitu, terdapat perbezaan pendapat berkenaan adakah Syeikh Tajrid ini ialah Syeikh Abdullah dan silat yang dibawanya ialah seni bela diri Arab. Syeikh Abdullah yang dimaksudkan ialah Abdullah bin Ahmad bin Jaafar Qaumiri. Menurut catatan sejarah, beliau ialah pendakwah dari negeri Arab yang mengislamkan Raja Qalha (Kedah) ketika itu yang bernama Seri Paduka Maharaja Derbar Raja (Muhammad Hassan, 1968). Ahli Silat Kalimah mengatakan bahawa Syeikh Tajrid ialah Syeikh Abdullah dan Silat Kalimah ialah seni bela diri Arab yang telah dimelayukan serta memiliki unsur bergulat:

“Asalnya slogan Silat Kalimah adalah **“Ya Wali Allah Ya Syaikh Tajred”** dicipta dan gunakan sempena menghargai jasa pengasas ilmu dan permainan Silat Kalimah iaitu Arwahyarham Syaikh Abdullah Qumari atau lebih dikenali sebagai Syaikh Tajred Pengislam Negara Kedah dan kemudian slogan ini diubah kepada **“Hidup Bersama Mengembang dan Menyatu”...**”

(Abu Bakar Baginda, 2019, hlm. 16)

“Ya Silat Kalimah pada pendapat saya berdasarkan lisan sejarah asalnya merupakan kaedah permainan Silat Arab yang sudah dimelayukan oleh pewaris-pewarisnya selepas Syaikh Tajred Al Qumairi.”

(Abu Bakar Baginda, 2019, hlm. 124)

“...salah satu ilmu beladiri sinonim masyarakat Arab iaitu ilmu Gulat atau lebih dikenali sebagai Gusti. Sememangnya tangkap menangkap dan kunci mengunci itu adalah asas gerak dan langkahnya. Sebagai pengamal Silat Kalimah sebahagian ilmu permainannya adalah menangkap dan mengunci. Jadi berdasarkan pekara ini boleh saya rumuskan bahawai Silat Kalimah adalah Silat yang mempunyai unsur-unsur ilmu Bergulat.”

(Abu Bakar Baginda, 2019, hlm. 126)

Selain itu, pengkaji pernah membaca penulisan seorang pesilat di dalam *whatsapp group* perihal sejarah Silat Kalimah. Menurut pesilat di dalam *whatsapp group* tersebut, kononnya Abdullah al-Qumairi ketika hendak memasuki pintu istana, beliau berlawan dengan pengawal istana menggunakan 19 jenis senjata. Namun begitu, berbeza pula dengan golongan Silat Cekak, mereka mengatakan Silat Cekak yang berasal daripada Syeikh Tajrid ini tiada unsur bergulat, dan bukannya dibawa oleh orang Arab. Hal ini disebutkan oleh Zafri Miari:

“Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad; Pengasas PSSCM pernah bagitau kat saya yang silat ni adalah silat asli ciptaan ulama Melayu berjiwa pendekar, bukannya dicipta oleh pendakwah Arab sebab orang Arab ada gusti Arab, dia tak sama dengan silat Melayu. Gusti perlukan akal, teknik dan kekuatan yang bergantung pada tenaga sendiri bersama latihan. Tapi Silat Cekak ni guna akal, teknik dan kefahaman yang gerak dan kekuatan semua tu hak Allah bukan hak kita. Kita ni hanya usaha dan berlatih saja. Silat ni

diamalkan bukan untuk kepentingan diri atau menjadi milik keluarga tapi demi kepentingan agama, bangsa dan negara.”

(Shukri & Zaimilah, 2021, hlm. 86)

Abdul Majid pula menukilkan dua teori Hanafi Ahmad tentang bagaimana teretusnya Silat Cekak ini:

“Ada dua cerita lisan yang pernah Pengasas SSCM; Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad bagitau kat saya sekitar tahun 1970an. Pertama ada kemungkinan pencipta Silat Cekak ni adalah seorang ulama bergelar ‘Syekh Tajrid’ yang telah mengembara ke seluruh nusantara dan belajar semua silat Melayu hingga dapat buah-buah keputusan silat lalu menyatukannya dari ‘banyak menjadi satu’ dan jadilah Silat Cekak.

Manakala cerita lisan kedua pula Ustaz Hanafi pernah bagitau masa dulu ada sebuah pertarungan diraja untuk memilih sebuah silat rasmi bagi kerajaan Kedah. Para panglima dititahkan bertarung gunakan segala kehebatan ilmu silat masing-masing. Di penghujungnya panglima yang guna Silat Cekak telah dapat mengatasi semua silat-silat lain, lepas tu silat ini dijadikan silat rasmi pada zaman kesultanan Kedah...”

(Shukri & Zaimilah, 2021, hlm. 85)

OBJEKTIF

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan di atas, maka berikut ialah objektif artikel ini:

1. Mengetahui pasti gelaran Syekh Abdullah iaitu yang juga dikenali sebagai Syekh Tajrid.
2. Mengetahui pasti pengajaran ilmu silat oleh Syekh Abdullah dalam catatan sejarah.

METODOLOGI

Kebanyakan sumber primer silat tradisional adalah berdasarkan sejarah lisan. Manakala catatan teks jarang didapati melainkan berkenaan tokoh-tokoh persilatan moden. Sumber primer dalam sejarah lisan silat sudah semestinya adalah daripada mahaguru yang mewarisi keilmuan sesebuah silat itu ataupun murid-murid lama yang melazimi mahaguru terdahulu. Sedikit kesukaran jika ada maklumat sejarah yang cuba disembunyikan oleh informan. Dalam dunia persilatan, kadangkala informan menyembunyikan kisah-kisah atau perincian-perincian tertentu atas pelbagai faktor.

Mengambil kira sejarah lisan tidak seketat ilmu periwayatan hadis nabawi. Hal ini merupakan pendapat majoriti ahli sejarawan Islam. Menurut al-‘Umari (1994), mensyaratkan riwayat-

riwayat sejarah dengan syarat sahih sahaja untuk menerimanya adalah perkara yang kurang munasabah. Al-Kafiji dalam kitabnya *al-Mukhtasar fi 'Ilm al-Tarikh* menyatakan:

“Diharuskan bagi sejarawan untuk meriwayatkan riwayat yang daif dalam kitab sejarah mereka perihal *al-tarhib* (galakan) dan *al-tarhib* (ancaman), dan mengambil pengajaran serta peringatan akan kelemahannya. Akan tetapi (riwayat daif itu) tidak boleh berkenaan zat Pencipta *'azza wa jalla* (Allah), berkenaan sifat-Nya, dan juga berkenaan hukum-hukum.”

(Al-'Umari, 1415H, hlm. 275)

Penulisan kembali sejarah oleh ahli sejarah dilakukan secara tiga aspek iaitu sumber sejarah, pengesahan fakta dan tafsiran sejarah. Menurut Qasim Ahmad (1995: 61), sumber bukanlah bukti tetapi merupakan tempat pengkaji untuk mencari bukti kemudian melalui proses bagi mengesahkan ketulenan sejarah tersebut. Menurutny lagi, kemudian bukti sejarah tersebut akan ditafsirkan yang mampu menyebabkan perbezaan pendapat bergantung pada andaian, pentakrifan mahupun kepercayaan agama seseorang (Qasim Ahmad, 1995: 66-69).

Terdapat tiga sumber utama yang digunakan dalam kertas kajian ini iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* oleh Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib, dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* oleh Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad.

Kitab *Hikayat Merong Mahawangsa* ditulis pada awal abad ke-19 dan tidak diketahui penulis asalnya (Nasha Roziadi Khaw et al., 2024: 90). Sifat penulis Melayu yang merendah diri menyebabkan nama pengarang jarang disebutkan, hanya pada abad ke-18 barulah tradisi penyebutan nama pengarang atau penyalin dimulakan (Ahmat Adam, 2016: 24). Terbitan yang digunakan dalam kajian ini ialah suntingan Siti Hawa Salleh (1998) yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Malaya.

Manakala buku *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* oleh Wan Yahya pula tidak diketahui secara pasti tarikh penulisan, tetapi ia dicetak dalam tulisan jawi pada tahun 1911 dan tulisan rumi pada 1913 dan 1928 (Mohamad Isa Othman, 2006: 1-2). Wan Yahya pada ketika itu menjawab Pesuruhjaya Tinggi Candu dan Monopoli dan juga merupakan setiausaha kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Aisyah & Mahani, 2022: 2). Namun begitu, buku Wan Yahya ini diharamkan pengedarannya di Kedah atas perintah Pemangku Sultan Kedah ketika itu iaitu Tunku Ibrahim kerana dalam buku tersebut mendedahkan beberapa kelemahan kerajaan Kedah. Disebabkan ketidakpuashatian itu, Tunku Ibrahim memerintahkan Muhammad Hassan pada 1 Rejab 1345H bersamaan 5 Januari 1927 untuk menulis sebuah buku mengenai sejarah kerajaan Kedah. Muhammad Hassan merupakan kerani rahsia istana Kedah semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943) dan Tunku Ibrahim selaku Pemangku Sultan Kedah (1913-1934) dan beliau memiliki hubungan yang akrab dengan kerabat raja Kedah termasuklah dalam membuat pelbagai catatan tentang urusan rasmi Sultan Kedah (Jelani Harun, 2006: 20). Oleh itu, naskhah *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* sudah tidak dijual, tetapi naskhah dalam tulisan rumi masih tersimpan di Perpustakaan Awam Alor Setar, Kedah. Cetakan asal dalam tulisan jawi pula tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Wilayah Persekutuan. Kedua-dua naskhah tersebut telah kami rujuk di tempat-tempat tersebut.

Selepas 17 tahun, barulah kitab *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* oleh Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad dihasilkan dan dicetak pada 1928 oleh Jelutong Press. Di samping itu, buku Wan Yahya telah diulang cetak pada 18 Syaaban 1346H iaitu setahun selepas *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* diterbitkan. Setelah empat puluh tahun iaitu pada 1968, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menerbitkan semula *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dalam tulisan rumi yang ditahkik oleh Mohd Zaid bin Mohd Shah (Mohamad Isa Othman, 1995: 31-32). Terbitan DBP inilah yang menjadi rujukan kami. Selain itu, kami juga telah merujuk naskhah tulisan jawi *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang disimpan di Perpustakaan Awam Alor Setar, Kedah. Naskhah transliterasi rumi juga dirujuk yang terdapat di rak terbuka Arkib Negara Malaysia, Alor Setar.

DAPATAN KAJIAN

Berikut ialah ringkasan kisah Syeikh Abdullah yang merupakan tokoh pendakwah Islam ke negeri Kedah berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* karangan Wan Yahya dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhammad Hassan.

i. Hikayat Merong Mahawangsa

Syeikh Abdullah ialah seorang ulama yang rajin menuntut ilmu di Baghdad bawah asuhan gurunya, Syeikh Abdullah Tua. Dalam usaha memahami tipu helah Iblis, Syeikh Abdullah memohon keizinan gurunya untuk bertemu dengan Penghulu Iblis sendiri. Setelah itu gurunya Syeikh Abdullah Tua pun solat dua rakat dan berdoa. Selepas mendapat arahan daripada gurunya, beliau menunggu di bawah seponon pokok yang besar. Sambil menunggu, Syeikh Abdullah membaca ayat-ayat suci al-Quran. Tiba-tiba pipinya ditampar kuat hingga hampir pingsan walaupun tiada sesiapa kelihatan. Gurunya kemudian menjelaskan bahawa Iblis tidak sanggup mendengar bacaan al-Quran. Pada pertemuan kedua, apabila Syeikh Abdullah tidak lagi membaca al-Quran, Penghulu Iblis pun muncul dalam rupa seorang lelaki tua berjanggut panjang sehingga ke perutnya, memiliki tongkat, berserban dan berjubah hijau. Dia mengajak Syeikh Abdullah melihat sendiri segala bentuk kerosakan yang telah dilakukannya terhadap manusia. Dengan memegang tongkat Penghulu Iblis, perjalanan yang lama menjadi sekejap.

Penghulu Iblis membawa Syeikh Abdullah mengembara menyaksikan pelbagai kelicikan dan kerosakan yang Penghulu Iblis lakukan. Seperti di sebuah kampung, penduduknya dihasut sehingga berperang sesama sendiri. Sekumpulan pencuri bertelagah sesama sendiri kerana berebut harta, lalu saling berbunuhan di tengah hutan. Seorang saudagar yang menipu dalam timbangan akhirnya dibunuh oleh pelanggannya. Seorang suami yang mencemburui isterinya yang bersama lelaki lain. Tempat orang berjudi yang menyebabkan seorang lelaki menggadaikan segalanya sampai hidupnya sempit. Seorang kadi yang zalim pula dirampas nyawanya oleh orang ramai setelah sekian lama merampas hak rakyat. Penghulu Iblis telah menipu lima orang fakir dengan membuatkan mereka membuang bekalan makanan dengan mengambil emas dan perak di sebuah pohon, menyebabkan mereka tiada bekalan lalu hilang dalam hutan. Penghulu Iblis juga menanamkan perasaan iri hati dengan menghasut sepuluh hingga sebelas penyamun yang sedang mengagihkan harta curian dengan anggapan sebagai

tidak adil. Setelah itu Penghulu Iblis bertemu dengan seorang pahlawan yang bertapa bernama Sihru'l-Syahid, pahlawan itu ditipu oleh Penghulu Iblis dengan memberikan buah delima yang menyebabkan pahlawan itu menjadi gila. Penghulu Iblis turut mencemari pendidikan dengan mengganggu anak-anak yang sedang belajar mengaji, menyebabkan pertelingkahan antara guru dan ibu bapa. Malah dalam rumah tangga pun Penghulu Iblis menghasut seorang suami mandul yang tergoda dengan harta karun sampai sanggup menolak isterinya ke sungai, dan seorang saudagar kaya pula hampir dibunuh isterinya yang telah dirasuk bisikan syaitan.

Seterusnya dalam hikayat ini turut mengisahkan seorang raja bernama Kamisyur yang menyembah berhala. Tiga raja dari negeri jiran iaitu Raja Kisyar Alam, Raja Pekerma Dewa dan Raja Usul Alam, mereka semua telah datang dan meminang puterinya. Tetapi lamaran mereka ditolak mengakibatkan ketiga-tiga mereka melancarkan serangan ke atas kerajaan Raja Kamisyur. Dalam keadaan lalai menyembah berhala, Penghulu Iblis menyusup masuk ke dalam patung sembahannya dan berpura-pura memberi arahan supaya Raja Kamisyur bersiap sedia berperang. Tanpa berfikir panjang, raja dan tenteranya mara ke medan perang tanpa strategi yang jelas. Akibatnya, mereka mengalami kekalahan yang teruk. Kota Raja Kamisyur diserang dari tiga arah, rumah-rumah dibakar dan rakyat dibunuh. Dalam keadaan yang porak peranda, empat orang menteri utama iaitu Cang Masyteri, Agam Jiwa Masyteri, Ambelan Masyteri dan Lancang Masyteri sedaya upaya cuba mempertahankan kota, tetapi gagal.

Selepas itu, Penghulu Iblis pergi ke sebuah kerajaan besar di tepi laut. Penghulu Iblis mendekati Raja Peringgi Dewa Molek, seorang raja besar yang mempunyai armada laut yang besar. Iblis menghasut Raja Peringgi Dewa Molek untuk menyerang negeri Syiramirabab. Raja Peringgi menggunakan bedil dan Meriam yang canggih. Menyebabkan ramai tentera musuh terbunuh. Namun, Raja Mirabab dan Raja Kenderi Mirabab Berjaya melawan balik dengan bantuan Raja Pikrabab. Peperangan menjadi sengit dan mengorbankan banyak nyawa. Akhirnya Raja Peringgi Dewa Molek sendiri terbunuh dalam peperangan yang dimulakan oleh baginda sendiri.

Setelah melalui pengalaman itu, Syeikh Abdullah dibawa pula ke negeri Kedah. Di sana, Penghulu Iblis pergi membuang air kencing kedalam gelas arak Raja Phra Ong Mahawangsa. Menyebabkan Syeikh Abdullah mempertikaikan tindakan Penghulu Iblis itu, "Pada tempat lain tiadalah hamba tegur. Ini ia seorang raja besar, memegang suatu negeri. Maka sampai hemat tuan hamba memberi ia minum air kencing." Oleh itu, Penghulu Iblis marah lalu merampas balik tongkatnya dan menumbuk Syeikh Abdullah. Maka Syeikh Abdullah pun terpisah daripada Penghulu Iblis dan tidak lagi menjadi halimunan. Hal ini menyebabkan Raja Phra Ong Mahawangsa serta orang istana dapat melihat Syeikh Abdullah. Syeikh Abdullah menceritakan segala perkara tentang bagaimana beliau boleh sampai ke situ. Ketika berada disana, beliau telah berjaya mengislamkan Raja Phra Ong Mahawangsa yang kemudiannya mengambil nama Sultan Muzalfal Syah. Bersama-sama, mereka membina masjid, menghapuskan penyembahan berhala, dan menegakkan syariat Islam. Kejayaan Kedah menarik perhatian negeri Aceh yang telah menghantar utusan atas arahan Tuan Syeikh Nuruddin dengan muafakat Sultan Aceh menghadiahkan kitab-kitab agama seperti *Sirat al-Mustaqim* dan *Bab al-Nikah* bagi memperkukuh penyebaran Islam di sana. Setelah Sultan Muzalfal Syah mangkat, puteranya Sultan Muazzam Syah meneruskan pemerintahan dengan adil dan bijaksana. Salah seorang zuriat baginda, Raja Sulaiman Syah, kemudian dihantar membuka sebuah negeri baru di Pulau Langkapuri.

Akhirnya, Syeikh Abdullah kembali ke Baghdad dan menceritakan segala yang dialaminya kepada gurunya. Gurunya amat terkesan dengan kehebatan perlindungan Allah terhadap muridnya daripada tipu daya Iblis. Sementara itu, keturunan Sultan Muzalfal Syah terus memerintah Kedah dengan adil. Meneruskan usaha memperkasa Islam di rantau ini.

ii. Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah

Kenyataan mengenai Syeikh Abdullah dalam buku ini tidak banyak. Berikut ialah nukilan penuh kenyataan dalam buku tersebut:

Pada hijrah 818 bersamaan kurun yang keempat belas pada tarikh masihi 1400 ketika Sultan Muhammad Shah menjadi raja datanglah seorang Arab daripada Negeri Yaman nama Syeikh Abdullah. Ialah mula-mula orang Arab yang masuk mari ke negeri Langkasuka mengajar agama Islam dan diubah daripada nama Langkasuka itu dinamakan Negeri Kedah dan dihubungkan nama dengan doa (Darul Aman) ertinya Kampung yang Sejahtera. Daripada masa itu sampai sekarang ini menjadi kuatlah agama Islam di dalam Negeri Kedah. Akan Sultan Muhammad Shah itu semayam di Kota Kuala Muda, maka akan Syeikh Abdullah itu seorang murid yang khas daripada Ibnu Battutah orang bangsa Maghribi peranakan Negeri Marakash, ialah seorang-orang alim yang besar yang mula-mula mari di sebelah tanah Melayu dan Jawa. Akan Syeikh Abdullah itu singgah di Kedah, akan Ibn Battutah itu langsung pergi sebelah tanah Jawa.

iii. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

Syeikh Abdullah al-Qaumiri atau nama penuh beliau ialah Tuan Syeikh Abdullah bin Tuan Syeikh Ahmad bin Tuan Syeikh Ja'afar Qaumiri merupakan seorang pendeta berbangsa Arab dari Yaman. Beliau telah keluar berlayar bersama sebelas orang sahabatnya dan tiba di Qalha pada tahun 531 Hijrah. Setelah tibanya mereka di sana, beliau telah melakukan usaha dakwah dengan mengadap Seri Paduka Maharaja Derbar Raja. Kemudian, beliau dilantik menjadi penasihat agama kepada Seri Paduka Maharaja Derbar Raja dan juga menteri-menteri. Disebabkan kebijaksanaan beliau dalam hal-hal agama dan dakwah, ramai orang sayangkan beliau termasuk Seri Paduka Maharaja Derbar Raja dan jumlah orang yang memeluk Islam juga meningkat.

Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah juga membawakan cerita yang menarik bagaimana Qalha boleh berubah nama menjadi Kedah Darulaman. Tuan Syeikh Abdullah telah berbincang dengan menteri-menteri untuk mengusulkan kepada Seri Paduka Maharaja Derbar Raja untuk menukarkan kepada nama negeri yang baru. Baginda menerima dengan usulan tersebut kemudian Tuan Syeikh Abdullah mengadap kiblat dan melaksanakan solat. Selesai solat beliau kembali mengadap Seri Paduka Maharaja Derbar Raja dan menyeru nama Sultan sebanyak tujuh kali dengan menyebut, "Daulat Tuanku Shah Alam dzilla 'l-lahu fil'alam Sultan Muzafar Shah" dan menyeru nama negeri sebanyak tujuh kali iaitu, "Kedah Darulaman". Selesai berseru, beliau pun berdoa kepada Allah SWT dan diamin oleh menteri hulubalang dan penggawa.

Permainan nobat merupakan satu upacara khusus untuk memberi isyarat akan masuknya waktu-waktu solat tertentu. Tuan Syeikh Abdullah meminta kepada Sultan untuk dimainkan nobat pada waktu-waktu tertentu seperti dari pagi hingga tengah hari Jumaat sebanyak tujuh kali. Sultan berkenankan permintaan tersebut. Pada suatu hari, baginda sultan bertanya kepada Tuan Syeikh Abdullah rkenaan benda-benda yang menjadi kemuliaan di Tanah Arab. Kemudian Tuan Syeikh Abdullah menjawab bahawa selain masjid, menara juga merupakan satu kemuliaan di sana kerana fungsinya melaungkan azan dan memuji-muji nama Tuhan dan Rasul. Kemudian, baginda sultan menitahkan untuk mencari orang yang mahir menghasilkan bata dan besi untuk dibina menara tersebut. Setelah siap dihasilnya bata dan besi-besi itu, disuruhnya pula untuk dibawa ke atas gunung Jerai. Setelah baginda Sultan memperkenankan tapak untuk dibina menara tersebut. Maka didirikanlah menara itu seperti mana yang dikehendaki baginda Sultan.

Setiap hari, Tuan Syeikh Abdullah pula akan memantau kerja-kerja pembinaan menara tersebut berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki. Tibalah suatu hari, Tuan Syeikh Abdullah telah jatuh sakit. Hal ini dimaklumkan kepada baginda sultan melalui menteri baginda sendiri. Maka baginda sultan pun segera berangkat menziarahi Tuan Syeikh Abdullah di Gunung Jerai. Di sana Tuan Syeikh Abdullah telah mewasiatkan Sultan supaya sabar dan insaf. Kemudian mewasiatkan supaya jasad Tuan Syeikh Abdullah dikebumikan di tempat tersebut. Selesai Tuan Syeikh Abdullah menyampaikan wasiat itu kepada baginda sultan, beliau meninggal dunia. Baginda sultan kemudiannya memerintahkan supaya jasad Tuan Syeikh Abdullah dikebumikan di padang tersebut sesuai seperti wasiat beliau.

ANALISIS KAJIAN

Pengesahan Pensejarahan

Sebelum melakukan analisis, perlu dipilih terlebih dahulu sumber sejarah yang benar-benar berautoriti. Hal ini demikian kerana jika dibandingkan sumber riwayat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* akan terpapar perbezaan ketara. Secara asasnya, kami lebih memilih *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* sebagai sumber yang sah berbanding *Hikayat Merong Mahawangsa* berdasarkan pendapat para sarjana. Lebih-lebih lagi *Hikayat Merong Mahawangsa* memiliki banyak perbezaan naratif berbanding dua buku sejarah tersebut.

Menurut Ahmad Adam (2016: 20), *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak kuat menampilkan sifat sejarahnya kerana lebih banyak mengandungi dongeng dan mitos. Disokong pula dengan kenyataan Syed Nasir Ismail ketika memberikan kata pengantar terhadap *Hikayat Merong Mahawangsa*, hikayat ini memiliki pelbagai kelemahan daripada sudut sejarah seperti tiada tarikh dan berunsur kedongengan (Dzulkifli Mohd Salleh, 1972). Namun begitu, sumber-sumber sebegini tidak boleh diketepikan begitu saja kerana ada maklumat yang boleh disemak menggunakan sumber luar (Ahmad Adam, 2016: 23). Siti Hawa (2006: 181) menyatakan bahawa *Hikayat Merong Mahawangsa* merupakan *mimesis*, yakni penghasilan karya sastera dengan cara meniru daripada kehidupan sebenar. Contoh yang dapat dilihat ialah kemasukan karakter Nabi Sulaiman A.S dalam hikayat tersebut. Setelah Ahmad Hakimi menganalisis

beberapa peristiwa dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* yang kemungkinan pernah berlaku, pada penghujung perbincangan beliau menyatakan; daripada perbincangan tersebut, ternyata bahawa sebahagian daripada hikayat itu memang merupakan cerita sahaja. Cerita yang dapat digolongkan ke dalam kategori ini ialah cerita tentang burung geroda dengan Nabi Sulaiman A.S.

Ada juga terdapat cerita yang menunjukkan kekeliruan pengarang terhadap fakta yang sedia ada, seolah-olah pengarang menambah sesuatu kepada cerita lama yang tidak diketahui dengan jelas maknanya. Satu daripada contohnya adalah apabila pengarang mungkin mengaitkan penggunaan batu dari Aceh untuk membuat Kota Aur dengan kedatangan Islam. (Ahmad Hakimi Khairuddin, 2006: 142).

Tokok tambah atau interpolasi sebegini banyak berlaku dalam hikayat atau teks sejarah dahulukala kerana pengarang ingin menonjolkan kebesaran raja yang dipujanya (Ahmat Adam, 2006: 24). Hal ini berbeza dengan dua buku sejarah Kedah oleh Wan Yahya dan Muhammad Hassan yang lebih realistik dan memiliki tarikh. Menurut Mohamad Isa Othman ketika menganalisis buku *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* oleh Wan Yahya, beliau menyenaraikan beberapa kisah dongeng dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* yang tidak dimasukkan oleh Wan Yahya.

Dia juga tidak lagi melihat pentingnya perjuangan penguasaan kosmik antara Nabi Sulaiman dengan geroda [sic, yakni garuda], dan kerana itu, dipadamkan dalam pengkisahannya. Wan Yahya juga meninggalkan kisah dongeng, misteri dan keagungan Kedah mengatasi negeri jirannya, terutama Siam, Perak dan Patani. Dia juga menggugurkan konflik perkahwinan diraja dengan puteri gergasi, kisah penghantaran bunga emas dan perak ke Siam, kekejaman Raja Bersiung, kelahiran kanak-kanak daripada buluh betung dan kemunculan puteri daripada buih. Kisah sepanjang 77 halaman *Hikayat Merong Mahawangsa* dipendekkan menjadi dua halaman sahaja. Pengislaman Kedah tidak diperincikan seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* yang menggambarkan pertentangan kuasa jahat syaitan dengan kuasa baik Islam yang diwakili oleh Syeikh Abdullah. (Mohamad Isa Othman, 2006: 12).

Begitu juga dengan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, menurut Mohd Zahid Mohd Shah dalam kata pengantar buku tersebut, bahawa ia lebih bersifat realistik dan dipercayai (Muhammad Hassan, 1968). Menurut Mohamad Isa Othman (1995: 39), selain daripada sumber riwayat lisan, Muhammad Hassan juga menggunakan sumber bertulis daripada arkib istana Kedah seperti kenyataan beliau, “tersimpan di tempat kerajaan Sultan Yang Maha Mulia.” Hal ini secara isyarat juga bermaksud bahawa kisah Syeikh Abdullah menjadi halimunan seperti yang tercatat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* tidak wujud dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* kerana kisah tersebut bukan berasal daripada arkib istana Kedah. Muhammad Hassan merupakan orang yang berdamping rapat dengan kerabat-kerabat Diraja Kedah dan golongan istana lalu memudahkan beliau untuk mendapat dan menghimpunkan riwayat-riwayat dan bukti-bukti peristiwa dan sejarah pemerintahan Kedah yang disimpan dalam kalangan orang istana sahaja. Kewujudan rekod sejarah yang disimpan dalam arkib para raja dan berbeza dengan catatan hikayat atau kajian Inggeris adalah tidak mustahil sebagaimana pengalaman Hamka berikut:

“Dalam pada itu, bersyukurlah pengarang, sebab mendapat banyak tempoh dan peluang, mengembara di sekeliling Indonesia ini, sampai ke Tanah Melayu dan Kalimantan Utara

(Brunei dan Sarawak). Kerap orang tua-tua atau orang-orang terkemuka memberikan bahan dari daerah mereka, lalu saya catit. Kadang-kadang para Sultan tidak keberatan memperlihatkan bahan sejarah mereka yang dibungkus dengan kain kuning, simpanan bertuah kepunyaan istana, yang kebanyakannya belum dicetak. Bahan sejarah seperti ini telah penulis dapat dari Seri Paduka Sultan Siak Seri Indrapura (1940), Sultan Terengganu (1955), Sultan Perak (1958), Aru Mapanyuki Raja Bone (1955). Raja Gowa (1956), Sultan Perak, Tengku Ahmad Tajuddin Ibni Sultan Mahmud Kedah, dan Sultan Brunei (1960). Kadang-kadang apabila dibaca catitan-catitan raja-raja Melayu Islam itu, dibandingkan kepada apa yang ditulis oleh pengarang asing (Belanda-Inggeris), terdapat perbedaan pandangan yang jauh sekali, sebagai jilid terakhir dari buku ini.”


(Hamka, 2016: xvi)

Syeikh Tajrid

Ahli Silat Kalimah menyatakan bahawa Syeikh Tajrid merujuk kepada Syeikh Abdullah yang memiliki nisbah al-Qumairi yang kemungkinan merupakan nama kaumnya. Dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, nisbah tersebut dieja sebagai Qaumiri. Perbezaan sebutan ini terjadi mungkin kerana tafsiran terhadap ejaan jawi قوميري (q/w/m/y/r/y) yang boleh dibaca sebagai qaumiri, qumairi atau qumiri. Berikut ialah gambar petikan teks jawi tersebut yang tersimpan di Perpustakaan Awam Alor Setar:

Gambar 1

Petikan teks jawi *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*



Sumber/Nota (Petikan Teks Jawi *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*). Sumber Arkib Negara Malaysia, Alor Setar)

Bahkan menurut transliterasi rumi *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (halaman 14) tanpa nama penterjemah yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Alor Setar, penterjemah menulis “khomeri” yang jauh lebih tersasar daripada ejaan asal. Hal ini merupakan cabaran biasa dalam transliterasi jawi ke rumi sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmat Adam.

Para pengkaji manuskrip Melayu tentu sedar betapa sukarnya membaca atau mengenali sesuatu perkataan semata-mata kerana ejaan Jawinya tidak mementingkan vokal atau diftong. Misalnya, kata “tuan” cukup dieja dengan huruf /t/n/, atau /t/w/n/, manakala kata “duli” dieja dengan huruf /d/l/ sahaja dan menteri dieja /m/n/t/r. Begitu juga kata “Bota” (atau Sanskritnya Bhuta) cukup dieja dengan dua huruf sahaja, iaitu *ba* /b/ dan *ta* /t/ [ب ط]. Perkataan yang berbeza pun kadang-kadang dieja dengan cara yang sama; misalnya, kata “toh” dan “tuha” dieja dengan huruf Jawi yang sama, iaitu /t/w/h/ [توه]; kata “bawa” dan “bau” pun dieja dengan menggunakan huruf yang sama, iaitu /b/a/w/ [باو], dan kata “bunga” dan “buang” pula dieja /b/w/n/ [بونغ], iaitu dengan huruf Jawi yang sama; kata Arab “jahli” dan kata “jahil” juga dieja dengan huruf yang sama, iaitu j/h/l [جهل] (Ahmat Adam, 2016: 58-59).

Mencari kesepakatan dalam versi-versi riwayat yang berbeza merupakan langkah awal yang perlu dibuat ketika mengenal pasti perbezaan yang wujud dalam pelbagai versi itu. Hal ini secara tidak langsung mampu mengesan penyelewengan fakta terutamanya jika kisah itu berlaku tidak jauh daripada zaman kita. Contoh kes untuk menilai kebenaran sesuatu sejarah melalui kaedah kesepakatan riwayat adalah berkenaan sejarah Syeikh Abdullah yang dibahaskan tadi.

Catatan dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* bahawa Syeikh Abdullah datang dari Yaman adalah selari dengan catatan Wan Yahya dalam *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*. Akan tetapi, mereka berbeza pada tarikh kedatangannya yang menurut Muhammad Hassan 513 Hijrah (1136-1137 Masihi) manakala Wan Yahya ialah 818 Hijrah (1414-1415 Masihi). Tambahan daripada Wan Yahya, Syeikh Abdullah merupakan murid Ibn Battutah tetapi Ibn Battutah tidak singgah di Kedah dan meneruskan perjalanan ke tanah Melayu dan Jawa (Mohamad Isa Othman, 2006:5). Menurut zahir kefahaman teks Wan Yahya, bahawa Syeikh Abdullah berpisah dengan Ibn Battutah di Nusantara iaitu seorang ke Kedah manakala seorang lagi ke Jawa pada kerangka waktu perjalanan yang sama. Jika sedemikian, maka agak mustahil kerana Syeikh Abdullah meninggal dunia pada 1368 Masihi (Dunn, 2012: 4), yakni lebih awal daripada 1415 Masihi. Akan tetapi jika Syeikh Abdullah datang setelah kematian Ibn Battutah, maka kronologi tersebut lebih munasabah dan kemungkinan beliau merupakan muridnya adalah benar. Perihal Ibn Battutah ini tidak dinyatakan oleh Muhammad Hassan mungkin kerana tarikh kedatangan yang dikemukakan olehnya iaitu 513 Hijrah (1136-1137 Masihi). Maka hal ini sangat tidak logik jika Syeikh Abdullah ialah murid Ibn Battutah, kerana jangka masa antara tarikh tersebut dan tarikh kematian Ibn Battutah adalah lebih kurang 232 tahun.

Kenyataan Zafri Miar dan Abdul Majid sebelum ini menggambarkan bahawa Syeikh Tajrid ialah ulama Melayu yang berjiwa pendekar menuntut ilmu pelbagai silat. Secara logiknya, adalah sukar bangsa asing untuk mendapatkan ilmu persilatan Melayu, apatah lagi wujud beberapa “buah keputusan” silat Melayu yang wujud dalam Silat Cekak. Berdasarkan nukilan-nukilan daripada pengkaji Silat Kalimah dan Silat Cekak ini, jelas menunjukkan terdapat perbezaan tafsiran terhadap asal usul silat mereka. Apa yang dapat dilakukan adalah dengan mencari kesepakatan antara kedua-dua belah pihak.

Dalam kes ini, kesepakatan antara kedua-dua pihak ialah silat ini berasal daripada seorang lelaki bernama Syeikh Tajrid. Oleh itu, hendaklah diketepikan dahulu perincian berkenaan Syeikh Tajrid ialah Syeikh Abdullah dan silatnya ialah seni bela diri orang Arab yang berunsur gusti. Fokus utama ialah persoalan mengenai Syeikh Tajrid; Wujudkah catatan sejarah mengenainya? Wujudkah catatan bahawa Syeikh Abdullah itu digelar dengan nama Syeikh Tajrid? Hakikatnya, tiada mana-mana catatan sejarah menyatakan siapakah Syeikh Tajrid. *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang menceritakan perihal Syeikh Abdullah juga tidak menyebut gelaran Syeikh Tajrid. Ghazali Abd Rahman yang merupakan pengkaji serta ahli Silat Cekak menyebutkan kesamaran orang bernama Syeikh Tajrid ini:

Silat Cekak asalnya dibawa oleh seorang pendekar bertaraf ulama tauhid bergelar “Syeikh Tajrid” atau “Tuan Tersembunyi” iaitu seorang yang tinggi ilmu hakikat dan makrifatnya serta bersifat siddiq iaitu benar lagi mursyid yang pakar dalam ilmu kesufian atau kerohanian. Syeikh Tajrid ini dilantik Raja jadi panglima di istana Kedah dan beliaulah yang asal menciptakan ilmu Silat Cekak ini. Namun agak sukar meneka siapakah gerangannya. Sebab tu kita perlu terus kaji dan dokumentasikan maklumat sejarah bagi buktikan siapa pencipta dan asal-usul silat ini. (Shukri & Zaimilah, 2021, hlm. 86)

Semua dakwaan ini datangnya daripada sejarah lisan semata-mata, dan ditambah dengan beberapa keraguan sebagaimana yang akan diterangkan sebelum ini. Ini merupakan petanda bahawa sejarah lisan tersebut berkemungkinan ada penyelewengan fakta dilakukan oleh individu tertentu. Namun begitu, dakwaan tersebut tidaklah boleh dianggap seratus peratus palsu. Kaedah terbaik adalah mengambil jalan tengah sebagaimana sarjana Islam berinteraksi dengan riwayat Israiliyyat, iaitu dengan cara tidak membenarkan dan tidak juga menafikan. Hal demikian kerana dirisaukan seseorang itu membenarkan kebatilan dan mendustakan kebenaran (Al-Syanqiti, 1995). Perincian sebegini hanyalah boleh diriwayatkan dan bukannya difaktakan.

Ilmu Persilatan Syeikh Abdullah

Apa yang boleh disepakati antara catatan *Hikayat Merong Mahawangsa* serta *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tiada pergaduhan yang berlaku antara Syeikh Abdullah dan para pengawal, apatah lagi berkaitan 19 jenis senjata tersebut. Selain itu juga, terdapat riwayat lisan yang dinukilkan oleh Abu Bakar Baginda (2019) bahawa Syeikh Abdullah berlawan dengan pengawal-pengawal tersebut setelah menerangkan tentang Islam di hadapan Raja Kedah, bukannya sebelum memasuki istana.

Diceritakan juga bahawa pada ketika itu juga Baginda telah menyudi, menguji dan mencuba Syeikh Abdullah Qumairi dengan menggunakan ilmu kepandaian dan kepahlawanan yang dimiliki oleh panglima-panglima terkuat Baginda namun mereka kesemuanya tumbang. Seterusnya Baginda menguji dan menduga kemampuan Syeikh Abdullah Qumairi dengan menggunakan ilmu Istidraj tukang-tukang bomoh dan ahli-ahli sihir paling bisa milik Baginda tetapi mereka juga turut mengalami nasib yang sama.

Terkejut dan kecewa dengan kegagalan orang-orang taruhan Baginda, dengan izin dan kehendak Allah S.W.T akhirnya Baginda sendiri yang menguji kekuatan dan kepandaian

Syeikh Abdullah Al Qumairi dengan segala ilmu yang dimilikinya namun dengan izin Allah S.W.T kesemua ujian tersebut berjaya dipatahkan oleh Syeikh Abdullah Al Qumairi dengan Hikmah Amalan dan Langkah Gerak Hulubalang yang di zahirkan oleh Allah kepadanya. Hikmah dari peristiwa tersebut dengan Rahmat dan Kasih Sayang Allah S.W.T Baginda Raja Pra Ong Mahawangsa bersama Jemaah Menteri telah memperakui kebenaran yang sudah dibuktikan dan bermuafakat untuk menerima dan memeluk agama Islam sebagai agama barunya di hadapan Syeikh Abdullah Al Qumairi (Abu Bakar Baginda, 2019, hlm. 55-56).

Riwayat lisan sebegini agak sukar untuk ditentukan kebenarannya kerana tiada rujukan sumber tekstual yang lebih tua, hanyalah kisah yang diceritakan pada zaman moden. Jika hendak dikaitkan dengan ilmu tempur sekalipun ialah peristiwa Penghulu Iblis menampar (semasa di bawah pokok) dan menumbuk Syeikh Abdullah (semasa berpisah dengan Penghulu Iblis) dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*. Nazirah Ismail menganalisis kisah pengislaman Raja Kedah dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* secara retorik bahawa kemungkinan pengarang bertujuan ingin menunjukkan kehebatan kesultanan Kedah.

Peristiwa pengislaman raja Kedah oleh Sheikh Abdullah merupakan peristiwa penting dalam catatan sejarah Kedah. Namun begitu, kebanyakan pengkaji mengaitkan peristiwa tersebut dengan unsur mitos yang bertujuan untuk meninggikan martabat raja Kedah. Yang dapat dijelaskan ialah pengarang memasukkan peristiwa pengislaman raja Kedah dalam hikayat ini sebagai bukti yang menunjukkan ketuanan Kedah. Di samping meninggikan martabat rajanya, pengarang sebenarnya cuba menjelaskan bahawa Kedah milik Kedah, bukannya di bawah kekuasaan Siam. Oleh sebab Kedah merupakan negeri yang merdeka, raja Kedah mempunyai kuasa terhadap pemerintahannya. Raja Kedah berkuasa menentukan agama yang dianuti oleh baginda dan rakyatnya. Jika Kedah merupakan jajahan Siam, sudah pasti kemasukan Islam ke Kedah mendapat tentangan Siam kerana pada waktu itu, Siam berpegang kuat pada agama Hindu Buddha. Malah, raja Kedah diberi keistimewaan kerana pengislamannya dikaitkan dengan peristiwa ajaib yang tidak dapat dipertikaikan oleh pembaca oleh sebab segala keajaiban tersebut merupakan kemahabesaran Allah (Nazirah Ismail, 2006: 176).

Kenyataan Nazirah Ismail ini ada benarnya berdasarkan ucapan Syeikh Abdullah kepada penghulu syaitan, “Pada tempat lain tiadalah hamba tegur. Ini ia seorang raja besar, memegang suatu negeri. Maka sampai hemat tuan hamba memberi ia minum air kencing” (Siti Hawa Salleh, 1998:108). Kenyataan sebegini secara tidak langsung ingin menunjukkan kebesaran Raja Kedah yang tidak patut dianiaya dengan meminum air kencing. Sedangkan orang lain atau raja lain yang dilihatnya saling berbunuhan angkara Penghulu Iblis itu langsung tidak ditegur oleh Syeikh Abdullah. Contohnya kisah Raja Kamisyur yang ditipu oleh Penghulu Iblis melalui berhala untuk mencetuskan peperangan yang memakan ribuan nyawa. tetapi tidak ditegur oleh Syeikh Abdullah. Secara logiknya, dosa mengorbankan nyawa lebih berat daripada meminum air arak, dan dosa minum air arak lebih besar daripada minum air kencing. Akan tetapi Syeikh Abdullah tidak menegur perbuatan mengorbankan nyawa orang bahkan lebih mengisahkan “air kencing Iblis” berbanding keburukan arak itu sendiri, menunjukkan hal ini hanyalah naratif untuk membesarkan Raja Kedah.

Menurut catatan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pula, Syeikh Abdullah datang ke Kedah dengan menaiki *beghalah* (kapal)¹ dari Yaman, dan berdakwah kepada Raja Qalha itu secara normal pada tahun 531 hijrah (Muhammad Hassan, 1968). Tiada unsur halimunan dan tiada karakter Penghulu Iblis dalam catatan tersebut. Jelani Harun setelah membahaskan kedatangan Islam ke Kedah menurut *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, beliau menyatakan bahawa ia lebih logik.

Demikian asal mula kedatangan Islam di Kedah, kisah pengislaman cara biasa dan dapat diterima akal, malah terbukti pula kebenarannya dengan penemuan Padang To' Syeikh di puncak Gunung Jerai, tempat orang alim tersebut disemadikan. Walau bagaimanapun, kisah keisti-mewaan luar biasa Tuan Syeikh Abdullah yang boleh mengembara bersama-sama penghulu iblis seperti yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa tidak pula menarik perhatian Muhammad Hassan. (Jelani Harun, 2006: 23).

Oleh itu, penisbahan asal-usul Silat Kalimah kepada Syeikh Abdullah adalah sangat diragui. Tambahan pula, nama-nama buah keputusan (*ultimate*) dalam silat tersebut memiliki nama-nama silat di Nusantara seperti Gayung Patani, Terlak, Lintau, Kumango (Shukri & Zaimilah, 2011), dan tidak menampakkan sangat identiti Arab. Adalah agak mustahil orang Arab untuk mengumpulkan beberapa buah-buah keputusan silat Melayu semasa era yang sifat kepuakan agak menebal terutamanya sekali dalam kalangan orang silat. Oleh itu, pengkaji mentafsirkan bahawa Silat Kalimah atau Cekak ini dihasilkan pada tahun 1840-an dan ke atas oleh kesultanan Kedah, bukannya oleh Syeikh Abdullah. Antara bukti sampingan berkenaan hal ini adalah berdasarkan sejarah pengasas Silat Kumango iaitu Syeikh Abdul Rahman al-Khalidi.

Setelah Syeikh Abdul Rahman al-Khalidi mempelajari Silat Kumango sekitar era 1840-an. Beliau pernah singgah dahulu di Kedah semasa balik dari Madinah. Di sana beliau banyak menundukkan orang handal, bahkan sampai ke Patani beliau mentaubatkan serta mengislamkan orang. Sultan Kedah menawarkan beliau untuk menjadi penasihat baginda, tetapi beliau menolaknya dan ingin pulang ke Kumango (H. Rusli, 2008:13). Jika diteliti tahun kewujudan Syeikh Abdul Rahman al-Khalidi yang disebut oleh H. Rusli, maka Sultan Kedah yang dijumpai oleh Syeikh Abdul Rahman kemungkinan salah satu daripada tiga sultan berikut (Aisyah & Mahani, 2022:6):

- Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah ibn Sultan Abdullah (1816-1844)
- Sultan Zainal Rashid ibn Sultan Ahmad Tajuddin (1844-1853)
- Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibn Sultan Zainal Rasyid (1853-1878)

Tidak mustahil bahawa buah Silat Cekak atau Silat Kalimah yang bernama Kemanga atau Kumango itu diperolehi daripada Syeikh Abdul Rahman al-Khalidi semasa salah satu daripada tiga pemerintahan sultan Kedah tersebut. Tambahan pula, tidak mustahil jika seorang sultan memerintahkan rakyat atau orang asing untuk memberikan buah-buah keputusan silat kepada istana, kerana zaman dahulu para raja dan sultan dilayan seperti dewa. Manakala jika ia dilakukan oleh orang biasa yang bukan sultan, apatah lagi bukan Melayu, maka agak sukar untuk dipercayai. Perspektif ini disokong dengan kenyataan H. Rusli berikut yang menyanggah bahawa Silat Kumango adalah gabungan silat-silat Minangkabau:

¹ Naskhah jawi simpanan Perpustakaan Awam Alor Setar tertulis بضالہ dan tidak diketahui cara sebutan, makna sebenar serta asal usul perkataan tersebut.

“Pendapat yang mengatakan Silat Kumango merupakan gabungan dari berbagai macam silat yang ada di Minang Kabau agak juga tidak beralasan dan sukar untuk diterima. Bagaimana mungkin seseorang bisa menggabungkan beberapa aliran silat, sedangkan mempelajari satu macam silat saja tidak pernah dapat karena orang tidak mau mengajarkan.

(H. Rusli, 2008:6)

Jika sesama Melayu pun sukar untuk diberikan buah silat, apatah lagi kepada Syeikh Abdullah yang berbangsa Arab yang kononnya dengan mudah mendapat pelbagai buah keputusan silat semasa zaman tersebut. Jika benar sekalipun ia berasal daripada Syeikh Abdullah, mungkin yang dimaksudkan ialah intipati permainan beliau dan kemudiannya ditambah dengan buah-buah silat oleh panglima-panglima Melayu sesuai dengan peredaran zaman.

Kesimpulannya, apa yang dapat dipastikan adalah silibus 27 buah Silat Kalimah atau Silat Cekak yang memiliki buah-buah silat Melayu adalah dihasilkan oleh pengalaman istana Kedah, bukannya oleh Syeikh Abdullah. Jika wujud sekalipun silat atau seni bela diri beliau, maka mungkin yang dimaksudkan ialah intipati silat tersebut seperti Buah Serang (yang menggunakan acahan) atau teknik bergulat.

KESIMPULAN

Rumusannya, tiada catatan daripada ketiga-tiga buku sejarah Kedah tersebut menyatakan dengan jelas bahawa Syeikh Tajrid ialah Syeikh Abdullah dan tiada catatan yang menyatakan bahawa beliau mengajarkan silat. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan menganalisis nama-nama serta teknik buah Silat Kalimah atau Silat Cekak dan melihat adakah benar ia daripada perguruan-perguruan silat tersebut. Jika benar buah itu terdapat dalam perguruan silat tersebut seperti Silat Lintau, maka hendaklah menentukan bilakah Silat Lintau itu diasaskan lalu membandingkan dengan tarikh kedatangan Syeikh Abdullah. Hal ini agar kelihatan dengan lebih jelas lagi bahawa silat ini datangnya daripada alam Melayu dan bukanlah dibawa oleh orang Arab yang bergelar Syeikh Abdullah.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Sidang Editor AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah di atas sokongan dan ruang yang diberikan kepada penerbitan artikel ini. Penghargaan yang selayaknya juga diberikan kepada Persatuan Kajian Ilmu Silat Malaysia (PEKAJI) yang membantu dalam membiayai perjalanan sepanjang kajian ini. Terutamanya kepada Pengerusi PEKAJI 2025 (Mohd Ashraf Mohd Nor) yang turut membantu dalam mendapatkan salinan dokumen daripada Arkib Negara Malaysia.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh semua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang kepentingan bersaing yang perlu diisytiharkan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abu Bakar Baginda Abdul Wahab. (2019). *Yahaya Said Di Antara Kebenaran dan Kepalsuan – Menyingkap Tirai Rahsia Di Antara Rahsia dan Amanah*. Klang, Selangor: Silat Kalimah Member Association Selangor (SKiMA).
- Ahmad Hakimi Khairuddin. (2006). Artifak Pensejarahan Kesultanan Kedah Menurut Hikayat Merong Mahawangsa. Dalam *Kesultanan Melayu Kedah*, hlm. 117-146. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmat Adam. (2016). *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu & Hang Tuah Dalam Historiografi Malaysia*. Selangor: Strategic Information and Research Development Centre.
- Aisyah Kamaruddin & Mahani Musa. (2022). Salasilah Atau Tarekh Kerja-An Kedah (1911): Naskhah Melayu Kedah Yang Terpinggir. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 49(2), 1-24.
- Al-'Umari, Akram Diya'. (1415H). *Buhuth fi Tarikh al-Sunnah al-Musharrafah*. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-'Umari, Akram Diya'. (1994). *Al-Sirah al-Nabawiyah al-Sahihah Muhawalah li Tatbiq Qawa'id al-Muhaddithin fi Naqd Riwayat al-Sirah al-Nabawiyah*. 2 jilid. Madinah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Syanqiti, Muhammad al-Amin. (1995). *Adwa' al-Bayan fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Dunn, Ross E. (2012). *The adventures of Ibn Battuta, a Muslim traveler of the fourteenth century*. Los Angeles: University of California Press.
- Dzulkifli Mohd Salleh (Pnyt.) (1972). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- H. Rusli, (2008). *Silat Kumango Dalam Kemurnian dan Keutuhannya*. Padang: Penerbit UNP Press.

- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah. (2016). *Sejarah Umat Islam*. Selangor: PTS Publishing House.
- Jelani Harun. (2006). Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: Muhammad Hassan dan Kepengarangan Istana Melayu Awal Abad ke-20. Dalam *Kesultanan Melayu Kedah*, hlm. 15-52. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Isa Othman. (1995). Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: Sebuah Pensejarahan. Dalam *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*, hlm. 31-43. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Isa Othman. (2006). Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah dalam Konteks Pensejarahan Awal Abad ke-20. Dalam *Kesultanan Melayu Kedah*, hlm. 1-14. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (Jawi). No. Panggilan: KWS 959.5112 MUH. Perpustakaan Awam Alor Setar, Kedah.
- Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd Arshad. (1968). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasha Roziadi Khaw, Nazarudin Zainun & Suresh Narayanan. (2024). *Kedah Tua: Sejarah, Arkeologi & Naratif Baharu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nazirah Ismail. (2006). Ketuanan Kedah Dalam Hikayat Merong Mahawangsa: Analisis Retorik. Dalam *Kesultanan Melayu Kedah*, hlm. 157-180. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qasim Ahmad. (1995). Sumber, Pengesahan Fakta, dan Pentafsiran Sejarah. Dalam *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*, hlm. 57-74. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shukri Janudin & Zaimilah Yusoff. (2019). Tokoh Pahlawan Kedah; Dato'Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail Serta Perkaitannya Dengan Panglima Ismail Dan Panglima Tok Rashid; Panglima Pembawa Silat Cekak Dalam Persejarahan Negeri Kedah Sepanjang 1800–1925. *Voice of Academia (VOA)*, 15(3), 72-95.
- Shukri Janudin & Zaimilah Yusoff. (2021). Asal usul Silat Cekak dari Kedah: Analisa Persejarahan sejak Zaman Keagungan Pra Langkasuka ke Era Imperialisme Thai 1821. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 72-92.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2006). Hikayat Merong Mahawangsa Suatu Pembacaan Semula. Dalam *Kesultanan Melayu Kedah*, hlm. 181-205. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Salleh (pnyt.). (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib. *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* (Rumi). No. Panggilan: KK 959.5112 SAL. Perpustakaan Awam Alor Setar, Kedah.
- Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib. *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* (Jawi). No. Panggilan: 2007/0052664, Arkib Negara Malaysia, Wilayah Persekutuan.